



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
13 April 2026**

PROGRAM CELIK MADANI CATAT LEBIH 200,000 PENYERTAAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DENGAN SASARAN KUMULATIF 1 JUTA PELAJAR MENJELANG 2030

Memperkasakan Belia Sebagai Generasi Labur untuk Masa Depan Lebih Cerah

Kuala Lumpur, 13 April 2026 – Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui anak syarikat milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN), telah mencatat pencapaian signifikan dalam pelaksanaan Program Celik Kewangan Belia MADANI (Celik MADANI), yang merekodkan lebih 200,000 penyertaan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) pada tahun lepas.

Program ini menyasarkan penyertaan kumulatif seramai 1 juta pelajar menjelang tahun 2030, selaras dengan usaha berterusan ASNBN untuk memperkasakan literasi kewangan dan membentuk belia Malaysia sebagai generasi labur yang berdaya tahan demi masa depan yang lebih cerah. Pelajar yang menyertai program Celik MADANI akan menerima pelaburan permulaan sebanyak RM50 dalam bentuk unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM), sebagai langkah awal untuk memulakan perjalanan pelaburan mereka.

Program Celik MADANI telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) pada 22 Ogos 2024. Program ini mencapai sasaran penyertaan 200,000 pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Universiti Berkaitan Kerajaan (GLU) terpilih, dalam tahun pertama pelaksanaannya.

Setakat ini sebanyak 27 universiti telah menunjukkan komitmen dalam menjayakannya, dengan pelaksanaan 196 aktiviti promosi oleh pihak ASNB di seluruh negara, melibatkan lebih 134,000 pelajar yang telah mengikuti program literasi kewangan dan sesi bimbingan pembukaan akaun.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi berkata, "Pencapaian ini turut mencerminkan komitmen tinggi IPT dalam pemerkasaan mahasiswa yang bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari aspek pengurusan kewangan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan sebenar selepas tamat pengajian."

"Melihatkan kesan positif ini, saya menyeru agar lebih banyak universiti tampil untuk menyertai Program Celik MADANI, mengambil inisiatif proaktif dengan menganjurkan program literasi kewangan secara berterusan, khususnya melalui kolaborasi strategik bersama ASNB. Pendekatan ini membolehkan penyampaian ilmu kewangan dilaksanakan secara lebih tersusun, relevan dan berpaksikan keperluan sebenar pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pencapaian dan Halatuju Celik MADANI di Menara Merdeka 118. Hadir sama, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB; Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB; dan Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Jabatan Pendidikan Tinggi.

Pada majlis tersebut, enam institusi menerima pengiktirafan istimewa atas sumbangan cemerlang dalam menjayakan pelaksanaan program Celik MADANI sepanjang tahun 2025.

Selain mengiktiraf sumbangan tersebut, majlis turut mengukuhkan komitmen untuk memperluaskan program bagi tahun 2026, melalui kerjasama berterusan antara ASNB, IPT dan pihak berkepentingan bagi meningkatkan impak, penyertaan serta keberkesanan program secara keseluruhan.

Sementara itu, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad, Pengerusi Kumpulan PNB, berkata, "PNB dan ASNB komited terhadap kesinambungan mandat Program Celik MADANI bagi tahun 2026.

"Komitmen kami adalah jelas untuk memperluaskan program ini ke lebih banyak universiti dan IPT di Malaysia dan memastikan lebih ramai pelajar dibekalkan dengan kemahiran kewangan. Ini adalah selaras dengan halatuju kami, membentuk generasi labur yang berdaya tahan dan berpengetahuan."

"Kami mahu membentuk generasi pelapis yang peka dan bertanggungjawab terhadap masa depan kewangan mereka, seiring Matlamat kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi," katanya.

Memperkasa Kewangan Generasi Masa Depan

Sebagai sebahagian daripada visi jangka panjang ASNB melalui *Kita Generasi Labur* dalam membentuk generasi yang berdisiplin dari segi kewangan dan bersedia menghadapi masa depan, ASNB terus memacu inisiatif yang menggalakkan pelaburan awal serta perancangan kewangan jangka panjang dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kempen *Pandu Impianmu 2.0* yang sedang berlangsung memperkukuh usaha ini dengan memberi inspirasi kepada individu, khususnya golongan belia, untuk mengambil langkah proaktif dalam mencapai matlamat hidup melalui amalan pelaburan yang konsisten. Dengan pelaburan serendah RM500, peserta berpeluang memenangi hadiah menarik termasuk kenderaan BMW, kenderaan elektrik dan pengalaman percutian.

Selain itu, ASNB terus mempromosikan ASB 3 Didik sebagai solusi utama bagi ibu bapa dan penjaga dalam membina asas kewangan yang kukuh untuk masa depan anak-anak, terutamanya dalam menyokong matlamat jangka panjang seperti pendidikan. Sebagai dana harga tetap, ASB 3 Didik menawarkan laluan yang stabil dan mudah diakses untuk keluarga memulakan pelaburan lebih awal dan mengembangkan simpanan secara berperingkat dari semasa ke semasa.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 300 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad